



Pulau Pinang, Johor kuasai eksport negara

Pulau Pinang kekal sebagai peng-eksport utama negara pada Disember 2022 dengan sumbangan 30.8 peratus, diikuti oleh Johor (19.2 peratus), Selangor (17.8 peratus), Sarawak (9.1 peratus) dan Kuala Lumpur (4.7 peratus).

Sementara itu, bagi import, Selangor adalah penyumbang utama dengan 27.2 peratus, diikuti oleh Pulau Pinang (21.9 peratus), Johor (20.8 peratus), Kuala Lumpur (6.6 peratus) dan Kedah (5.8 peratus).

Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Mohd Uzir Mahidin, berkata eksport pada bulan

Disember 2022 meningkat sebanyak RM7.5 bilion atau enam peratus berbanding bulan sama tahun sebelumnya.

"Eksport lebih tinggi direkodkan bagi kebanyakan negeri iaitu Johor (RM4.3 bilion), Sarawak (RM2.2 bilion), Selangor (RM1.4 bilion), Labuan (RM1.4 bilion), Negeri Sembilan (RM264.1

juta), Perak (RM230.1 juta), Kedah (RM184 juta), Melaka (RM97.9 juta), Kelantan (RM92.9 juta), (RM64.8 juta) dan Perlis (RM14.3 juta).

"Bagaimanapun, eksport menyusut di Sabah (RM1.7 bilion), Pahang (-RM563.3 juta), Terengganu (-RM531 juta) dan Pulau Pinang (-RM93.3 juta)," katanya dalam satu kenyataan Statistik Eksport Import Mengikut Negeri Disember 2022 yang diterbitkan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), semalam.



Mohd Uzir Mahidin

"Eksport naik 25 peratus daripada RM1.2 trillion pada 2021 kepada RM1.6 trillion. Begitu juga import bernilai RM1.3 trillion, lebih tinggi 31.3 peratus berbanding tahun sebelumnya," katanya.

Beliau berkata, import pada 2022 pula menunjukkan peningkatan yang lebih tinggi bagi semua negeri iaitu Johor (RM96.3 bilion), Pulau Pinang (RM61.4 bilion), Selangor (RM56 bilion), Kedah (RM16.2 bilion), Melaka (RM15.6 bilion), Kuala Lumpur (RM15.5 bilion), Negeri Sembilan

(RM13 bilion), Sarawak (RM10.9 bilion), Pahang (RM7.3 bilion), Perak (RM4.8 bilion), Sabah (RM2.1 bilion), Labuan (RM1.4 bilion), Terengganu (RM1.1 bilion), Perlis (RM424 juta) dan Kelantan (RM190.8 juta).

Dagangan cecah RM2.8 trillion

Mohd Uzir berkata, jumlah dagangan Malaysia pada 2022 merekodkan pencapaian baharu menjecah RM2.8 trillion.